



KENYATAAN MEDIA

KETUA PENGARAH JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) BERKENAAN

***"PERKEMBANGAN PENSIJILAN HALAL KEPADA HOTEL
MELALUI JAKIM SEPANJANG 10 RAMADHAN PERTAMA
1431H"***

1. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menjalankan pemantauan terhadap 34 buah hotel yang menawarkan sajian “Bufet Ramadan” bermula pada 1 hingga 10 Ramadan 1431 Hijriah di beberapa buah negeri di Malaysia. Kesemua pemeriksaan dan serbuan tersebut telah dilaksanakan di sekitar Kuala Lumpur, Pahang, Selangor dan Kedah. Hotel-hotel tersebut meliputi hotel 5 bintang, 4 bintang dan 3 bintang ke bawah.
2. Dalam pemeriksaan tersebut, sebanyak 2 buah hotel telah memperolehi sijil halal Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Penemuan turut mendapati sebanyak 34 buah hotel telah

menggunakan istilah *Buffet Ramadhan* dan 24 buah hotel didapati menggunakan bahan yang diragui halal.

3. Tujuan pemantauan ini diadakan adalah untuk memastikan premis berkenaan menyediakan makanan halal yang mematuhi hukum syarak. Di samping itu juga, ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pihak berkenaan terhadap tanggungjawab dalam penyediaan makanan halal kepada pengguna Islam.
4. Hasil pemantauan tersebut, didapati 70 peratus daripada keseluruhan premis berkenaan tidak memenuhi keperluan piawaian Pensijilan Halal Malaysia. Promosi buffet Ramadan yang ditawarkan adalah jelas tidak menepati Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan ‘Halal’) 1975.
5. Antara hasil penemuan ialah penggunaan bahan mentah yang berasaskan alkohol, bahan ramuan yang diragui, bahan mentah yang tiada pengesahan halal, ayam daripada sumber yang tidak jelas dan percampuran di antara bahan mentah halal dengan tidak halal di kawasan penerimaan (loading bay) dan stor penyimpanan.
6. Walau bagaimanapun, kesemua pihak premis memberikan kerjasama dan maklumbalas yang baik di sepanjang proses pemantauan ini dijalankan. Pihak premis juga menyatakan minat dan kesediaan untuk memohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia daripada JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)
7. JAKIM akan terus melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bersama KPDKKK kepada hotel-hotel ini pada setiap hari sepanjang Ramadhan. Oleh yang demikian, semua pihak hotel diingatkan agar

tidak menyalahguna terma *Buffet Ramadhan* yang boleh memberi kekeliruan kepada pengguna yang mengunjungi hotel bagi berbuka puasa. Sebagaimana yang kita ketahui, penggunaan istilah *Buffet Ramadhan* merupakan perbahasaan halal dan ianya boleh diambil tindakan sekiranya terdapat penyalahgunaan.

8. Sementara itu, sepanjang 10 Ramadhan pertama ini, JAKIM telah menerima sebanyak 16 permohonan daripada hotel-hotel seluruh Malaysia. Daripada jumlah hotel tersebut, sebanyak 9 hotel telah memperlengkap dokumen dan sedang diproses dan sebanyak 7 hotel masih belum melengkapkan dokumen mereka. Manakala sebanyak 2 hotel telah diberikan sijil halal dalam tempoh 10 Ramadhan ini. Hotel-hotel tersebut adalah JB Central, Johor dan Pearl International, Selangor.
9. Suka JAKIM mengingatkan kepada pemohon yang memohon secara *on-line* agar segera menghantar dokumen sokongan mereka bagi mengelakkan permohonan mereka ditolak secara automatik oleh sistem e-halal sekiranya melebihi 5 hari permohonan.
10. Seterusnya, JAKIM ingin memaklumkan bahawa mana-mana permohonan (produk/ premis/ rumah sembelih/ logistik) boleh mengemukakan permohonan kepada JAKIM / JAIN.
11. JAKIM juga amat menghargai kerjasama pihak Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) yang telah mewar-warkan senarai hotel yang telah diberikan pensijilan halal oleh pihak berkuasa negeri kepada pihak media untuk makluman orang ramai.

12. Sehubungan dengan itu, JAKIM menasihatkan pengguna Islam supaya berhati-hati memilih makanan halal dan mengelakkan daripada perkara yang was-was seperti sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“Yang halal itu sudah jelas dan yang haram juga sudah jelas, di antara kedua-duanya ada beberapa perkara yang belum jelas hukumnya (syubhat)”.

HR Muslim dan at-Tirmizi.

13. Untuk maklumat lanjut berkenaan pensijilan halal JAKIM serta senarai pemegang sijil halal Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM, orang ramai bolehlah melayari laman web halal JAKIM di www.halal.gov.my.
14. Atas jasa baik pihak media dalam mewar-warkan perkara ini kepada para pengusaha hotel di Malaysia khususnya dan masyarakat Malaysia amnya amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

DATO' HAJI WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABDUL AZIZ

**STATISTIK HOTEL
YANG MEMPROMOSIKAN BUFFET RAMADHAN YANG TIDAK MEMATUHI
PIWAIAN HALAL
MULAI 1 RAMADHAN SEHINGGA 10 RAMADHAN
TAHUN 2010**

BIL	PREMIS/ALAMAT
1.	ONE WORLD HOTEL FIRST AVENUE Bandar Utama City Center 47800, Petaling Jaya
2.	BISTRO & THEATRE RESTAURANT 139, Pusat Pelancongan Malaysia (MTC) Jalan Ampang, 50450, Kuala Lumpur
3.	IMPIANA KLCC HOTEL & SPA No.13 Jalan Pinang 50450 Kuala Lumpur
4.	HOTEL EQUATORIAL (M) SDN BHD Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur
5.	PUTRAJAYA SHANGRI-LA Jalan Putra Perdana Taman Putra Perdana Precinct, 62000 Putrajaya
6.	HOTEL NIKKO KUALA LUMPUR MTJ Development Sdn. Bhd 165,Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
7.	SHAH'S VILLAGE HOTEL 3&5, Lorong Sultan, Peti Surat 115 46719, Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan
8.	PRESCOOT INN KAJANG

	Wisma Metro Kajang Jalan Semenyih 43000 Kajang Selangor
9.	LAGENDA CUISINE SDN BHD (PRESCOTT INN KAJANG)
10	ORIENTAL CRYSTAL KAJANG Lot 13, Jln S10/3, Section 10, Off Jalan Bukit 43000 Kajang Selangor
11.	RESTORAN TUPAI-TUPAI Lot 1513 Kg. Sg. Tangkas Bt. 18, Jalan Bangi Kajang, 43000 Selangor
12.	EASTIN HOTEL PETALING JAYA 13, Jalan 6/11 Pusat Dagang Seksyen 16, 46350, Selangor Darul Ehsan
13.	CONCORDE HOTEL KUALA LUMPUR 2, Jalan Sultan Ismail 50250, Kuala Lumpur
14.	NOVOTEL K.L CITY CENTER (CONCIERGE-DEPT) 2, Jalan Kia Peng, 50450, Kuala Lumpur
15.	BANGI GOLF RESTAURANT Bangi
16.	CITITEL MID VALLEY Mid Valley City Lingkaran Syed Putra 59200 Kuala Lumpur
17.	KANPEI RESTAURANT Eminent Pedestal SdnBhd Lot L1, Lobby Micasa All Suite Hotel 368-B, Jln 1/68F, Off Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur

18.	THE ZON ALL SUITES RESIDENCES 161-D, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
19..	THE ROYALE BINTANG KUALA LUMPUR
20.	R & B SERVICES BERJAYA TIMES SQUARE HOTEL 1 JALAN IMBI, 55100, KUALA LUMPUR
21.	THE SAUJANA KUALA LUMPUR SAUJANA RESORT Jalan Lapangan Terbang SAAS 40150 Shah Alam, Selangor
22.	HILTON KUALA LUMPUR 3, Jalan Stesen Sentral 50470 Kuala Lumpur P.O. Box 11815, 50758 Kuala Lumpur
23.	LE MERIDIEN 2,Jalan Stesen Sentral,Kuala Lumpur 50470 Kuala Lumpur
24.	THE REGENCY HOTEL No.3, Jalan Raja Alang 50300 Kuala Lumpur